

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 OGOS 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 8
SURAT

Pendekatan pemusatan naikan KDNK suku tahun kedua 2025

Pendekatan pemusatan naikan KDNK suku tahun kedua 2025

KUALA LUMPUR - Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 4.4 peratus pada suku kedua 2025 tercapai berikutan kerajaan mengambil pendekatan pemusatan dalam persekitaran keadaan geopolitik dan ekonomi yang tidak menentu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kerajaan mengambil pendekatan yang sama dengan negara ASEAN iaitu pendekatan pemusatan dalam keadaan tarif yang menekan serta pertarungan dan peperangan dagang yang memuncak di antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Kita berbaik dengan negara China... berbaik dengan negara Amerika Syarikat... dan dengan negara-negara lain. Saya terima panggilan telefon daripada Presiden AS Donald

Trump. Esok selesai perbarisan merdeka, saya akan ke China atas undangan Presiden Xi Jinping.

"Itu kebijaksanaan Malaysia," katanya semasa Majlis Amanat Perdana sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) dekat sini pada Sabtu.

Menteri Kewangan itu berkata, ada perkara yang Malaysia tidak setuju kerana pimpinan negara memilih untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat.

Beliau berkata, Malaysia mengambil pendekatan tegas dalam soal Gaza di Palestin dan kemanusiaan tetapi pada masa sama tetap mempertahankan persahabatan dengan negara-negara yang bertalian baik.

"Sebab itu kita masih catat 4.4 peratus

suku kedua tahun ini dan angka itu membanggakan," katanya.

Mengenai defisit fiskal, Perdana Menteri berkata, keupayaan kerajaan Madani menurunkan defisit fiskal membuktikan bahawa negara Malaysia membangun.

"Berapa defisit masa kita ambil alih kuasa?... 5.6 peratus. Tahun pertama kita turunkan lima peratus. Kemudian 4.8 peratus. Tahun ini 3.8 peratus. Itu rekod dalam mana-mana negara membangun.

"Tetapi dalam masa kita turun defisit, gaji naik. Bukan kita turun defisit, gaji turun. Kita turun defisit, perbelanjaan bagi kesemua negeri itu naik termasuk negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu," katanya.

Anwar turut berkata, hutang negara masih banyak tetapi pinjaman baharu telah diturunkan dari RM100 bilion kepada RM70 bilion, manakala gaji, peruntukan serta Sumbangan Tunai Rahmah dinaikkan.

"Ada orang mual dan membenci bila saya sebut kita warisi hutang lebih RM1 trilion...itu kenyataan. Kami warisi kerajaan (sebelum ini), hutang itu termasuk *contingent liability* RM1.5 trilion.

"Malaysia ini masih belum mufis... Sebab itu tatakelola ini harus berdasarkan beberapa landasan utama.

"Kalau negara ini nak dipertahankan kemakmurannya dan unjuran pertumbuhan itu kekal serta keyakinan pelaburan asing dan domestik kekal, maka kita perlu menurunkan defisit," kata beliau. - Bernama